

## IKLAN JAWATAN KOSONG



### PARLIMEN MALAYSIA

#### PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

#### 1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan/ Gred : Bentara Mesyuarat, Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29
- 1.2 Kementerian/ Jabatan : Parlimen Malaysia
- 1.4 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/ Diploma
- 1.5 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.6 Bilangan Kekosongan : Satu (1)

#### 2. GRED DAN JADUAL GAJI : RM1,493.00 – RM5,696.00 (Gred KP29)

#### 3. SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.3 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan Kerajaan; dan
- 3.4 Keutamaan akan diberikan kepada Bekas Anggota Polis atau Tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

#### 4. DESKRIPSI DAN SKOP BIDANG TUGAS

- 4.1 Bertanggungjawab kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat (YPDR), Yang di-Pertua Dewan Negara (YPDN), Setiausaha Dewan Negara (SUDN), Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR), Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat (SUB DR) dan Setiausaha Bahagian Dewan Negara (SUB DN);
- 4.2 Membantu menyelaras dan menyemak semua Aturan Mesyuarat (AUM) sebelum diedarkan oleh Bentara Parlimen;
- 4.3 Menentukan Bentara Parlimen mengedar AUM kepada pegawai-pegawai bertugas Kementerian;
- 4.4 Membantu menyelaras di dalam pengurusan dan mentadbir hal-hal pentadbiran harian dan latihan anggota-anggota Seksyen Bentara;
- 4.5 Membantu mengurus dan memelihara Cokmar agar sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat; dan
- 4.6 Bersedia ditugaskan sebagai Pegawai Perhubungan (LO), Pembantu Pegawai Keselamatan (APSO) kepada ketua-ketua delegasi asing yang menghadiri persidangan-persidangan anjuran Parlimen Malaysia serta mesyuarat Jawatankuasa Dewan yang lain.

#### 5. CARA MEMOHON

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia ([www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)).
- 5.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 5.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik salinan Perakuan Perkhidmatan Pegawai terdahulu dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh **Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)**.

- 5.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR  
PARLIMEN MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR  
(u.p: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

**6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 6 MEI 2024 (ISNIN)**

**Tarikh Iklan : 19 April 2024**

**Catatan Am :** Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.